

Ikon sukan ragbi

PROFIL

Aksi Anwarrul Aswad pada perlawanan Malaysia lawan UAE bersempena dengan ASIAN Seven Series Singapore 2013.



Oleh Sarah Aina Shawal
sarahaina@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kehebatan Anwarrul Aswad Ahmad dalam sukan ragbi sememangnya sukar disangkal apabila namanya sering tersenarai dalam barisan pasukan ragbi universiti dan negara dalam pelbagai kejohanan tempatan mahupun antarabangsa. Dengan pelbagai kejayaan yang membanggakan, faktor itu tidak mampu menidakkan keupayaan Anwarrul Aswad

dipilih sebagai penerima Anugerah Ikon Sukan Varsiti BH, mengalahkan dua calon lain.

Mengakui amat teruja dengan anugerah itu, Anwarrul Aswad yang kini mengikuti pengajian komunikasi di Universiti Putra Malaysia (UPM) mengakui kejayaan itu menguatkan keazamanannya untuk terus mencipta kecemerlangan dalam sukan yang diminati sejak sekolah lagi.

Fokus teknik bermain

“Selain menjadi pemain wakil universiti dan negara, saya juga berkongsi pengetahuan dan kemahiran sebagai jurulatih ragbi bagi pasukan ragbi peringkat kolej di UPM.

“Kecenderungan itu rentetan minat mendalam saya dalam sukan ini yang bukan saja memfokuskan kepada teknik dan kemahiran bermain, sebaliknya semangat dan aura berpasukan yang turut menjadi elemen penting bagi sebuah pasukan,” katanya.

Biarpun sibuk dengan latihan ragbi, beliau sama sekali tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya sebagai mahasiswa dengan memastikan sesi kuliah dan tugas tidak ditinggalkan tanpa

alasan yang kukuh.

“Bergelar atlet pada masa yang sama memikul tanggungjawab sebagai mahasiswa sememangnya satu tanggungjawab yang berat. Memang sukar pada awalnya untuk membiasakan diri dengan latihan, kelas dan tugas.”

Uji tahap kesabaran

“Bagi saya, akademik dan sukan sama penting dan saya inginkan kejayaan dalam kedua-dua bidang ini selain menjadikan contoh kepada atlet lain,” kata dia.

**ANUGERAH
IKON
VARSITI BH**

Berkongsi keunikan sukan ragbi, katanya, pemain perlu mementingkan kerjasama antara ahli dan sekiranya seseorang pemain mula lemah atau putus asa, ada rakan lain yang akan memberi semangat untuk terus bermain.

Katanya, ragbi juga sukan yang melatih tahap kesabaran apabila ada ketika terpaksa bermain dalam cuaca yang panas, diasak beberapa kali dan latihan yang cukup berat namun, semua itu dapat melatihnya untuk mengawal emosi.

Anwarrul Aswad Ahmad

Umur: 25 Tahun

Tarikh Lahir: 15 Oktober 1989

Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Korporat UPM Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan Politeknik Shah Alam

Pencapaian:

- Mewakili pasukan ragbi kebangsaan di HSBC ASIAN Seven Series, Kuala Lumpur, Bangkok, Singapore, Mumbai 2013
- Mewakili pasukan ragbi kebangsaan Perth Sevens, Perth, Australia 2013
- Mewakili pasukan ragbi kebangsaan di HSBC ASIAN Sevens Series, Shanghai, Mumbai, Borneo 2012
- Mewakili pasukan UPM Serdang Angels pada Liga Super KRM, (semi final Plate)
- Mewakili pasukan UPM Serdang Angels di National League Club Championship
- Calon Anugerah Olahragawan Harapan UPM 2012
- Anugerah Putra Harapan 2012

